

# UiTM wujud kampus francais capai sasaran 200,000 pelajar

UM 27/11/06

memandang rendah UiTM.

Ketika ditanya tentang isu pengangguran di kalangan siswazah, Mustapa menjelaskan, kadar pengangguran lima peratus siswazah sekarang adalah agak tinggi.

“Secara keseluruhan, jumlah pengangguran di negara kita adalah sebanyak 3.5 peratus.

“Namun strategi kerajaan kini adalah mengurangkan tanggungan kepada pekerja asing untuk mengurangkan masalah pengangguran siswazah,” jelasnya.

Mustapa turut meminta pelajar institut pengajian tinggi menjadi lulusan yang berkualiti kerana pasaran kerja Malaysia kini terbuka kepada pasaran global.

“Kita kena sedar tentang realiti semasa dan kena akui sesetengah bidang masih memerlukan kepakaran asing.

“Sebab itu kita selalu tekankan aspek kualiti dan mahu semua pihak mencapai tahap tertinggi dalam pelajaran. Kalau kita statik, kita tidak akan mampu untuk bersaing dengan siswazah luar negara,” ujarnya.